



■ NORMALA YAACOB (kiri) dan SALBIAH SALLEH

## Pesilat wanita mampu beri sumbangan emas

Oleh MOHD RAHIME YUSOF - 6 AUG 1989

KETUA jurulatih silat skuad Sukan SEA XV, Sani Morni percaya pesilat wanita negara berupaya mengikis 'kemarau' pingat emas di temasya sukan terbesar Asia Tenggara yang bermula pada 20 Ogos ini.



Ini berikutan lima pesilat wanita yang akan membawa cabaran itu berada dalam keadaan cergas dan mantap untuk menandingi pencabar utama dari Indonesia.

Katanya, soal jumlah pingat emas tidak penting. Tetapi, mengikut pengiraan sekarang 'kemarau' pingat itu di kalangan pesilat wanita dapat diatasi di kejohanan bertaraf antarabangsa kali ini.

Harian Sukan difahamkan, tiga pesilat iaitu Zaleha Suradi, Wan Amizah Wan Ahmad dan Normala Yaacob menjadi tumpuan untuk mengutip tiga pingat emas.

Bagaimanapun, keupayaan Hamidah Mahat dan Siti Haslina Shaharuddin tidak boleh diketepikan untuk tujuan itu.

"Saya percaya peluang untuk mengutip sekurang-kurang satu pingat emas tetap cerah. Malah, kemungkinan lebih daripada itu berdasarkan semangat dan kemantapan yang ditunjukkan oleh kelima-lima pesilat itu," kata Sani.

Berdasarkan ramalan awal sebelum ini, Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) hanya memberi kepercayaan kepada pesilat lelaki bagi menyumbangkan sekurang-kurang lima pingat emas.

Semalam, sambil bergurau ketua jurulatih itu berkata: "Jika boleh kami mahu lebih daripada lapan pingat emas. Malah, kami ingin buktikan penguasaan negara pada Sukan SEA kali ini."

Bagaimanapun, Sani percaya Indonesia tetap menjadi pencabar utama dalam pertandingan Sukan SEA ini.

Malah, bagi Indonesia pula, menganggap Malaysia adalah 'pengacau' yang boleh menghalang penguasaan mereka di peringkat antarabangsa.

Sani berkata, kejayaan Malaysia mengutip tiga pingat emas dan tiga perak di Kejohanan Jemputan Terbuka Singapura, Ogos tahun lalu turut mengerunkan pencabar Sukan SEA ini. Di kejohanan itu, Malaysia cuma menghantar pasukan kedua.

"Saya akan pastikan semua pesilat negara berupaya menunjukkan persembahan cemerlang nanti. Yang diburu oleh semua pesilat sekarang ialah pingat emas. Soal mereka dapat atau tidak akan ditentukan sebaik sahaja pertandingan bermula pada 25 Ogos ini," kata Sani Morni.